



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)

PROGRAM PELAJAR CEMERLANG (PPC) TAHUN 2020

1. Apakah itu Program Pelajar Cemerlang (PPC) Tahun 2020?

Program Pelajar Cemerlang (PPC) Tahun 2020 merupakan program penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk **Pinjaman Boleh Ubah (PBU)** kepada **500 pelajar cemerlang lepasan Ijazah Pertama / Sarjana tajaan JPA** untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana / Kedoktoran dalam pelbagai bidang di **universiti yang telah dikenal pasti oleh Jabatan ini**. Program penajaan ini merupakan usaha Jabatan dalam mengiktiraf kecemerlangan pelajar tajaan di peringkat Ijazah Pertama / Sarjana dan memberi nilai tambah kepada penajaan sedia ada.

2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Pelajar Cemerlang (PPC) Tahun 2020?

2.1 Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut ;

2.1.1 Syarat Umum

- i) Warganegara Malaysia berumur tidak lebih **26 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana** dan **30 tahun bagi pengajian peringkat Kedoktoran (Ph.D)** pada tahun permohonan.
- ii) Pelajar merupakan **pelajar tajaan JPA semasa peringkat Ijazah Pertama / Sarjana** bagi memohon ke peringkat pengajian yang lebih tinggi.
- iii) Pelajar mestilah telah **menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan dan tidak pernah membuat sebarang pelanjutan** bagi pengajian semasa di peringkat Ijazah Pertama/ Sarjana.

- iv) Pelajar yang layak memohon adalah pelajar yang **telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama atau Sarjana pada tahun 2018 hingga tarikh tutup permohonan penajaan ini** di mana ianya bertujuan memberi ruang kepada pelajar untuk mendapatkan tempat pengajian pada peringkat Sarjana atau Kedoktoran(Ph.D).
- v) Pelajar telah **mendapat tawaran bersyarat / tanpa syarat daripada universiti dan mengikuti pengajian secara sepenuh masa.** Senarai Universiti adalah seperti di **Lampiran A.**
- vi) **Program Ijazah Sarjana yang dipohon bukanlah program yang dinilai taraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda bagi tujuan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam.** Sebagai contoh, Kerajaan telah menetapkan bahawa kelayakan *Master of Engineering* (M.Eng) dari universiti-universiti di United Kingdom hanya layak digunakan untuk tujuan pelantikan ke jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau RIBA Part II bagi pengajian senibina yang mana ia hanya diiktiraf setaraf Ijazah Sarjana Muda Senibina sahaja.
- vii) Pelajar perlu memulakan pengajian **sebelum atau pada 31 Disember 2020.**
- viii) Mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya **9 bulan bagi pengajian peringkat Sarjana dan 24 bulan bagi pengajian peringkat Kedoktoran (Ph.D).**

2.1.2 Syarat Khusus

Kelayakan minima akademik mengikut peringkat permohonan adalah seperti berikut:

Ijazah Sarjana / Fast Track Ph.D

- i) Memperoleh **Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.50 atau setara** pada pengajian **peringkat Ijazah Pertama dalam Negara atau luar Negara.**
- ii) Bagi negara **United Kingdom, Australia, New Zealand dan Jepun,** kelayakan akademik minimum di peringkat Ijazah Pertama adalah seperti berikut:

UNITED KINGDOM	AUSTRALIA / NEW ZEALAND	JEPUN
70% & ke atas	85% & ke atas	85% A+B (50%A)*

*85% A+B – Jumlah gred A dan B yang diperolehi adalah sekurang-kurangnya 85% dan 50% daripada jumlah tersebut perlu mendapat gred A.

Ijazah Kedoktoran (Ph.D)

- i) **Lulus bagi mod pengajian secara penyelidikan peringkat Ijazah Sarjana dalam Negara atau luar Negara.**
- ii) **Memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.50 atau setara bagi mod pengajian kerja kursus atau *mixmode*.**
- iii) **Bagi negara United Kingdom, Australia, New Zealand dan Jepun yang tidak menggunakan penilaian PNGK bagi mod pengajian kerja kursus atau *mix-mode* atau secara *penyelidikan*, kelayakan akademik minimum di peringkat Ijazah Sarjana adalah seperti berikut:**

UNITED KINGDOM	AUSTRALIA / NEW ZEALAND	JEPUN
70% & ke atas	85% & ke atas	85% A+B (50%A)*

*85% A+B – Jumlah gred A dan B yang diperolehi adalah sekurang-kurangnya 85% dan 50% daripada jumlah tersebut perlu mendapat gred A.

3. Bagaimana saya boleh memohon penajaan JPA di bawah Program Pelajar Cemerlang (PPC) Tahun 2020?

Permohonan dibuka secara atas talian (*online*) di <http://esilav2.jpa.gov.my> selama **tujuh (7) hari mulai 10 Februari 2020 (Isnin) hingga 16 Februari 2020 (Ahad)**. Calon boleh merujuk *Frequently Asked Questions* (FAQ) yang dimuat naik di Portal JPA bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Penajaan Program Pelajar Cemerlang 2020** sebagai bukti permohonan telah

dibuat. Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my>.

4. Apakah nombor atau saluran yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-8885 3297 / 3553 / 3387 mulai 10 Februari 2020 hingga 14 Februari 2020 (hari bekerja) dari jam 9:00 pagi hingga jam 4:30 petang atau kemukakan maklum balas melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di <http://jpa.spab.gov.my/eApps/system/index.do>.

5. Apakah mekanisme Penguatkuasaan Perjanjian Pinjaman Boleh Ubah?

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- a. Pinjaman akan ditukar kepada biasiswa dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; atau
- b. Bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat milik Kerajaan (GLC); atau
- c. Bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara; atau
- d. Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

6. Bilakah tarikh tutup permohonan Program Pelajar Cemerlang (PPC) Tahun 2020?

Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 Februari 2020 (Ahad) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

7. Bilakah tarikh keputusan permohonan program ini akan dimaklumkan?

Tarikh-tarikh penting bagi Program Pelajar Cemerlang (PPC) 2020 adalah seperti berikut :

- i. Keputusan Panggilan Menduduki SAC & UKPP - 24 Februari 2020
- ii. Student Assessment Centre (SAC) - 2 hingga 6 Mac 2020
- iii. Keputusan Penajaan – 1 April 2020
- iv. Rayuan – 1 hingga 7 April 2020

LAIN-LAIN SOALAN BERKAITAN

- 8. Saya sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan. Adakah saya akan ditawarkan penajaan secara automatik?**

Bidang perubatan, pergigian dan farmasi adalah bidang yang tidak ditaja di bawah Program ini.

- 9. Saya mendapat penajaan JPA, tetapi saya tidak mempunyai akaun Bank Islam. Adakah saya perlu membuka akaun sendiri atau pihak JPA akan membantu untuk membuka akaun bagi membolehkan saya mendapat penajaan JPA?**

Pelajar **perlu membuka sendiri akaun** Bank Islam.

- 10. Saya telah menerima tawaran penajaan JPA, tetapi pada masa yang sama telah mendapat pinjaman PTPTN, apakah yang perlu saya buat?**

Jika pelajar memilih untuk menerima tawaran penajaan JPA, pelajar perlu menamatkan kemudahan pinjaman PTPTN atau penaja-penaja lain.

- 11. Adakah pihak JPA membenarkan saya menukar universiti tanpa membatalkan penajaan saya?**

Pihak JPA tidak membenarkan pelajar tajaannya membuat pertukaran universiti tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak JPA terlebih dahulu. Jika pelajar berbuat demikian, penajaan pelajar boleh ditamatkan.

- 12. Bolehkah saya bertukar kursus atau bidang atau universiti selepas mengikuti pengajian dan menerima biasiswa JPA?**

Sebarang pertukaran kursus tidak dibenarkan melainkan atas sebab-sebab yang kukuh dan munasabah. Sebarang permohonan pertukaran kursus atau bidang hendaklah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Basiswa. Sekiranya mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut, maka penajaan ke atas pelajar akan diteruskan untuk kursus yang baharu. Namun, jika sebaliknya, penajaan ke atas pelajar mungkin akan ditamatkan.

Sekiranya pelajar tajaan ingin menukar kursus, sila kemukakan permohonan rasmi kepada Jabatan ini dan memaklumkan sebab-sebab ingin bertukar kursus.

13. Bolehkah saya bertukar penaja sekiranya saya ditawarkan oleh penaja lain setelah saya menerima penajaan JPA?

Pelajar tajaan JPA tidak dibenarkan sama sekali menerima tajaan lebih daripada satu penaja. Jika pelajar ingin menukar penaja lain, sila kemukakan permohonan rasmi ke Jabatan ini.

14. Saya telah mendapat tajaan JPA semasa di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan ingin menyambung ke peringkat Sarjana. Adakah saya perlu memohon semula untuk mendapatkan penajaan di peringkat Sarjana?

Ya. Pelajar perlu memohon semula penajaan JPA untuk pengajian di peringkat Sarjana.

15. Apakah bidang yang ditaja oleh JPA?

JPA menaja pelbagai bidang pengajian kecuali bidang-bidang berikut:

1. Bidang pendidikan.
2. Bidang berkaitan penerbangan yang memerlukan pelajar mengambil lesen penerbangan.
3. Program kejururawatan, bidang perubatan, farmasi, dan pergigian.
4. Program-program berkaitan sijil profesional seperti ACCA dan CLP.

16. Apakah jenis program yang ditaja oleh JPA?

Program pengajian yang ditaja oleh JPA adalah program yang telah mendapat pengiktirafan daripada pihak MQA, badan profesional dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia.

17. Adakah pelajar yang mendapat penajaan JPA akan diberikan pekerjaan di sektor awam secara automatik selepas menamatkan pengajian?

Tidak. Pelajar perlu memohon sendiri dengan pihak berkuasa melantik bagi tujuan tersebut.

18. Adakah pelajar yang mendapat penajaan JPA dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selepas tamat tempoh pengajian?

Tidak semestinya. Namun, sekiranya pelajar ingin menukar status pinjaman kepada biasiswa, pelajar perlu berkhidmat dengan kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan.

19. Bapa saya adalah seorang pesara Kerajaan? Apakah yang saya perlu isi di ruang pendapatan bapa?

Bagi pesara Kerajaan, sila isikan jumlah pencen yang diterima bagi setiap bulan di ruangan tersebut.

20. Bagaimana saya boleh mengetahui sama ada saya berjaya mendapat tawaran JPA di bawah Program Pelajar Cemerlang? Adakah JPA akan mengeluarkan surat tawaran?

Keputusan akan dikeluarkan pada **1 April 2020** di laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my>. Bagi calon yang berjaya, pihak JPA akan mengeluarkan surat tawaran penajaan. Bagi pelajar yang tidak berjaya, pelajar boleh mengemukakan rayuan secara atas talian (*online*).

21. Bagaimana sekiranya nama kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti kepada saya tidak berada di dalam senarai borang permohonan *online* Program Pelajar Cemerlang?

Sila maklumkan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di <http://jpa.spab.gov.my/eApps/system/index.do> untuk tujuan semakan lanjut oleh JPA.

22. Saya merupakan pelajar dalam bidang kejururawatan. Adakah saya layak untuk memohon penajaan JPA di bawah Program Pelajar Cemerlang?

Untuk makluman, Jabatan ini tidak menawarkan penajaan bagi pelajar-pelajar dalam bidang Kejururawatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

TAMAT

**SENARAI UNIVERSITI DALAM NEGARA BAGI
PROGRAM PELAJAR CEMERLANG TAHUN 2020**

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2. Universiti Malaya (UM)
3. Universiti Putra Malaysia (UPM)
4. Universiti Sains Malaysia (USM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
7. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
8. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)
9. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
10. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
11. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
12. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
13. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
14. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
15. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
16. Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)
17. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
18. Universiti Utara Malaysia (UUM)
19. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
20. Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
21. Universiti Multimedia (MMU)
22. Universiti Teknologi Petronas (UTP)
23. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
24. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)

**SENARAI UNIVERSITI LUAR NEGARA BAGI
PROGRAM PELAJAR CEMERLANG TAHUN 2020**

SENARAI UNIVERSITI TERBAIK DUNIA

BIL.	UNIVERSITI	NEGARA
1.	University of Oxford	United Kingdom
2.	California Institute of Technology	United States
3.	University of Cambridge	United Kingdom
4.	Stanford University	United States
5.	Massachusetts Institute of Technology	United States
6.	Princeton University	United States
7.	Harvard University	United States
8.	Yale University	United States
9.	University of Chicago	United States
10.	Imperial College London	United Kingdom
11.	University of Pennsylvania	United States
12.	Johns Hopkins University	United States
13.	University of California, Berkeley	United States
14.	University College London	United Kingdom
15.	Columbia University	United States
16.	University of California, Los Angeles	United States
17.	Cornell University	United States
18.	Duke University	United States
19.	Northwestern University	United States
20.	National University of Singapore	Singapore
21.	University of Washington	United States
22.	Carnegie Mellon University	United States
23.	New York University	United States
24.	University of Edinburgh	United Kingdom
25.	University of California, San Diego	United States
26.	University of Melbourne	Australia
27.	King's College London	United Kingdom
28.	University of Texas at Austin	United States

BIL.	UNIVERSITI	NEGARA
29.	Technical University of Munich	Germany
30.	University of Illinois at Urbana-Champaign	United States
31.	Nanyang Technological University, Singapore	Singapore
32.	Australian National University	Australia
33.	University of Wisconsin-Madison	United States
34.	Brown University	United States
35.	University of North Carolina at Chapel Hill	United States
36.	University of Manchester	United Kingdom
37.	Boston University	United States
38.	University of Queensland	Australia
39.	UNSW Sydney	Australia
40.	Monash University	Australia
41.	Penn State (Main campus)	United States
42.	Sorbonne University	France
43.	University of Bristol	United Kingdom
44.	University of Michigan-Ann Arbor	United States
45.	London School of Economics and Political Science	United Kingdom
46.	Ludwig-Maximilians-Universität (LMU) München	Germany
47.	Georgia Institute of Technology	United States
48.	Heidelberg University (Ruprecht Karl University of Heidelberg)	Germany
49.	Paris Sciences et Lettres – PSL Research University Paris	France
50.	Washington University in St Louis	United States
51.	University of California, Davis	United States
52.	University of California, Santa Barbara	United States
53.	University of Sydney	Australia
54.	University of Southern California	United States
55.	The Ohio State University	United States
56.	University of Warwick	United Kingdom
57.	University of Minnesota	United States
58.	Purdue University West Lafayette	United States
59.	University of Maryland, College Park	United States

BIL.	UNIVERSITI	NEGARA
60.	École Polytechnique	France
61.	University of California, Irvine	United States
62.	University of Glasgow	United Kingdom
63.	Rice University	United States
64.	The University of Western Australia	Australia
65.	Humboldt University of Berlin	Germany
66.	Charité - Universitätsmedizin Berlin	Germany
67.	Emory University	United States
68.	Michigan State University	United States
69.	University of Freiburg	Germany
70.	University of Tübingen	Germany
71.	Dartmouth College	United States
72.	RWTH Aachen University	Germany
73.	University of Michigan	United States
74.	Ruprecht-Karls-Universität Heidelberg	Germany
75.	Durham University	United Kingdom
76.	The University of Sheffield	United Kingdom
77.	University of Birmingham	United Kingdom
78.	University of Leeds	United Kingdom
79.	University of Nottingham	United Kingdom
80.	University of Southampton	United Kingdom
81.	University of St Andrews	United Kingdom
82.	University of California, San Francisco	United States
83.	Rockefeller University	United States
84.	University of Paris-Sud (Paris 11)	France
85.	University of Colorado at Boulder	United States
86.	The University of Texas Southwestern Medical Center at Dallas	United States
87.	University of Munich	Germany
88.	Vanderbilt University	United States
89.	The University of Texas M. D. Anderson Cancer Center	United States
90.	University of Bonn	Germany
91.	Ecole Normale Supérieure - Paris	France

BIL.	UNIVERSITI	NEGARA
92.	University of Sydney	Australia
93.	University of Pittsburgh, Pittsburgh Campus	United States
94.	University of Florida	United States

NEGARA JEPUN : TOP GLOBAL UNIVERSITY PROJECT (TYPE A : TOP TYPE)

BIL.	UNIVERSITI
1.	Hokkaido University
2.	Tohoku University
3.	University of Tsukuba
4.	The University of Tokyo
5.	Tokyo Medical and Dental University
6.	Tokyo Institute of Technology
7.	Nagoya University
8.	Kyoto University
9.	Osaka University
10.	Hiroshima University
11.	Kyushu University
12.	Keio University
13.	Waseda University

NEGARA JEPUN : TOP GLOBAL UNIVERSITY PROJECT (TYPE B : GLOBAL TRACTION TYPE)

BIL.	UNIVERSITI
1.	Chiba University
2.	Tokyo University of Foreign Studies
3.	Tokyo University of the Arts
4.	Nagaoka University of Technology
5.	Kanazawa University
6.	Toyohashi University of Technology
7.	Kyoto Institute of Technology
8.	Nara Institute of Science and Technology

BIL.	UNIVERSITI
9.	Okayama University
10.	Kumamoto University
11.	Akita International University
12.	The University of Aizu
13.	International Christian University
14.	Shibaura Institute of Technology
15.	Sophia University
16.	Toyo University
17.	Hosei University
18.	Meiji University
19.	Rikkyo University
20.	Soka University
21.	International University of Japan
22.	Ritsumeikan University
23.	Kwansei Gakuin University
24.	Ritsumeikan Asia Pacific University

NEGARA KOREA

BIL.	UNIVERSITI
1.	Seoul National University
2.	Korea Advanced Institute of Science & Technology
3.	Pohang University of Science & Technology
4.	Yonsei University
5.	Korea University
6.	Sungkyunkwan University
7.	Hanyang University
8.	Ewha Womens University
9.	Kyung Hee University
10.	Sogang University
11.	Ulsan National Institute of Science and Technology

12.	Gwangju Institute of Science and Technology
13.	Kyungpook National University

NEGARA JERMAN : CLASSIC / TECHNICAL UNIVERSITY

BIL.	UNIVERSITI
1.	Karlsruhe Institute of Technology, Karlsruhe
2.	Technische Universitaet Carolo-Wilhemina zu Braunschweig, Braunschweig
3.	Universitaet der Bundeswehr Muenchen, Munich
4.	Technische Universitaet Damstads, Damstadt
5.	Technische Universitaet Dresden, Dresden
6.	Rheinisch-Westfaelische Technische Hochschule Aachen, Aachen
7.	Brandenburg University of Technology, Cottbus
8.	Gottfried Wilhelm Leibniz Universitaet, Hannover
9.	Technische Universitaet Muenchen, Munich
10.	Universitaet Bremen, Bremen
11.	Technische Universitaet Chemnitz, Chemnitz
12.	Otto-von-Guericke-Universitaet Magdeburg, Magdeburg
13.	Technische Universitaet Clausthal, Clausthal
14.	Technische Universitaet Bergakademie Freiberg, Freiberg
15.	Technische Universitaet Ilmenau, Ilmenau

NEGARA JERMAN : UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES

BIL.	UNIVERSITI
1.	Hochschule Karlsruhe, Karlsruhe
2.	Hochschule Deggendorf, Deggendorf
3.	Hochschule Aschaffenburg, Aschaffenburg
4.	Hochschule Ingolstadt, Ingolstadt
5.	Hochschule Ulm, Ulm
6.	Hochschule fuer Technik und Wirtschaft Dresden, Dresden
7.	Fachhochschule Bingen, Bingen
8.	Hochschule Esslingen, Esslingen

BIL.	UNIVERSITI
9.	Hochschule Ravensburg-Weingarten, Weingarten
10.	Hochschule Mannheim, Mannheim
11.	Hochschule Amberg-Weiden - Hochschule fuer angewandte Wissenschaften, Amberg-Weiden
12.	Hochschule fuer Technik,Wirtschaft und Informatik Heilbronn, Heilbronn
13.	Hochschule Offenburg, Offenburg
14.	Hochschule Merseburg, Merseburg
15.	Hochschule Bochum, Bochum

NEGARA PERANCIS: Senarai universiti dengan syarat untuk kemasukan/permohonan adalah “Baccalauréat”.

BIL.	UNIVERSITI
1.	INSA LYON
2.	Université Technology Compiègne (UTC)
3.	INSA Toulouse
4.	INSA Rouen
5.	ECE Paris
6.	CPE Lyon
7.	ESIEE Paris, Marne la Vallée
8.	ECAM Lyon
9.	INSA Rennes
10.	ICAM Lille-Nantes-Toulouse

NEGARA PERANCIS: Senarai universiti dengan syarat untuk kemasukan/permohonan adalah “Baccalauréat+2”.

BIL.	UNIVERSITI
1.	École Polytechnique – Palaiseau
2.	École Centrale – Paris
3.	École des Mines – Paris
4.	Écoles des Ponts - Marne la Vallée
5.	Supélec - Gif sur Yvette
6.	Télécom ParisTech

7.	École Centrale – Lyon
8.	ISAE Toulouse (ex Supaero+Ensica)
9.	AgroParisTech
10.	Arts et Métier Paristech